

# Madrasah Attaufiqiyah (1913)

Sumber utama: Ashari bin Mohd Yakub, 10 Ogos 2024:

“PERKONGSIAN CERITA MADRASAH ATTAUFIQIAH”).



## Dirujuk oleh

- 1900-an: Petempatan Sekitar Kajang

## 1909-1911: Cetusan Pembinaan

*“Idea pembinaan Madrasah Attaufiqiyah telah dicetuskan oleh Syeikh Muhammad Saleh bin Mohd Taib Al Minangkabau”*



*“Pada tahun 1890an hingga 1900an seorang ulama’/pendakwah yang terkenal di Nusantara dan di Negeri-negeri Semenanjung Malaya, **Tuan Syeikh Muhammad Saleh bin Mohd Taib Al Minangkabau (TSMS)**, mencetuskan idea pembinaan Madrasah ini.”*

## Perihal Syeikh Muhammad Saleh

### Pengalaman

"Menuntut ilmu di Mekah lebih dari **17 tahun**. Beliau berguru di Mekah dengan guru-guru terkenal seperti:

1. Tuan Syeikh Muhamad Taib (ayahnya)
2. Syeikh Ahmad Zaini
3. Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullad Almakahki
4. Syeikh Muhammad Dahlan, Mufti Mekah."

### Latar Belakang

"Beliau **diberi penghormatan** menjadi guru di Masjidil Haram pada usianya 20an. Mampu mengajar menggunakan **13 buah kitab** dalam sehari semalam. Terkenal sebagai **Syeikhul Islam Perak** (Teluk Intan)."

### 1909: Jemputan Mengajar

"**1909:** Penghulu Mukim Hulu Langat, En. Abdul Jalil menjemput TSMS mengajar di Masjid Pekan Batu 14, Hulu Langat."

"**Perjalanan:** Menaiki Keretapi dari Teluk Intan ke KL (6 jam) -> Menaiki kereta dari KL ke Batu 9 -> Batu 9 ke Pekan Batu 14 Menaiki kereta kuda -> Tiba di Hulu Langat antara jam 6pm - 9pm."

### 1911: Mengajar di Masjid Kajang

"**Dari idea menjadi reality - proses pembinaan Madrasah Attaufiqiyah**"



"**Sebulan Sekali:** Tuan Hj. Abdul Hamid (Khadi Kajang) serta beberapa ahli qariah Masjid Jamek Kajang turut mengikuti kelas pengajian kendalaian Tuan Syeikh Muhammad Saleh yang diadakan **sebulan sekali**."

"**Kaedah Penyampaian: Kaedah penyampaian** Tuan Syeikh Muhammad Salleh menarik minat masyarakat setempat dan ahli jemaah yang hadir."

"**1911:** Lanjutan daripada itu, ahli qariah Masjid Jamek Kajang menjemput beliau **mengajar di**

**Masjid Kajang.** Tuan Syeikh mula mengajar di Masjid Jamek Kajang pada tahun 1911.”

“**Tempat Penyampaian:** Pengajaran Ilmu kurang sesuai diadakan di masjid kerana ia mengganggu fokus Jemaah yang bersembahyang. **Madrasah** adalah tempat yang lebih sesuai untuk **pengajian agama diadakan**. Pendapat Tuan Syeikh ini dipersetujui oleh masyarakat setempat yang diterajui oleh **Tuan Hj Abdul Hamid (khadi Kajang)** dan **Tok Engku Samsuddin (orang kaya Kajang - wakil Sultan)**”.



“Raja Alang bin Raja Berayun seorang hartawan dan ahli qariah Masjid Jamek Kajang, menyatakan **hasratnya untuk membiayai keseluruhan kos** pembinaan Madrasah yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, **masyarakat** setempat **tidak bersetuju** kerana **ingin sama-sama memberi sumbangan.**”



“**Lebai Abas bin Awang**, Imam masjid Jamek Kajang dan **bendahari Raja Alang**, diminta membantu menguruskan kutipan infak dari orang ramai”

## 1913: Penubuhan Madrasah Attaufiqiyah

### Pembinaan dan Penamaan



Madrasah Attaufiqiyah antara tahun 1913-1971 (pandangan dari depan)  
(Era Tuan Syeikh Mohd Soleh & Tuan Guru Hj Abd Hamid)

*“Dengan kesungguhan pihak bertanggungjawab serta berkat istiqamah Tuan Syeikh Muhammad Saleh, maka terdirilah sebuah Madrasah pada tahun 1913.”*

*“Sokongan padu dan sumbangan dari ahli qariah setempat, terutamanya daripada beberapa hartawan seperti berikut juga banyak membantu dalam pembinaan Madrasah:-*

- Raja Alang bin Raja Berayun
- Tuan Hj. Mohaman Saman
- Tuan Hj. Muhammad Damin
- Hj. Ahmad Kaya
- Tok Dagang Hamzah bin Hj. Abdul Rahman
- Tok Sheikh Ahmad (Sungai Kantan).”

**“Nama Madrasah:** Atas nasihat TSMS dan dipersetujui oleh ahli qariah Masjid untuk di namakan Madrasah Attaufiqiyah. Nama Attaufiqiyah mengikut Tuan Hj. Hatim, mungkin diberi oleh TSMS sendiri, sempena nama penerbit kitab beliau yang berjudul ‘Tanwirul Anwar Fi Izhari Khalal Ma Fi Khoyifil Asar’ (Penerbitnya ialah Al- Maktabatut Taufiqiyah), Bandar Aceh.”

**“Tapak Madrasah:** Diwakafkan oleh Tuan Syeikh Ahmad bin Sultan Kali Selamat (Sungai kantan & Gombak), seorang ahli qariah masjid”

**“Kontraktor:** En. Wong adalah kontraktor yang membina Madrasah ini.”

## Lokasi



*“Dibina di belakang Masjid Jamek Kajang yang asal dan bersebelahan dua kolah masjid.”*

## Pelan Madrasah



Madrasah Attaufiqiyah antara tahun 1913-1971 (pandangan dari depan)  
(Era Tuan Syeikh Mohd Soleh & Tuan Guru Hj Abd Hamid)



<b>Pelan Madrasah</b>
<b>A</b> Bilik Khas untuk Pensyarah atau tetamu bermalaman
<b>B</b> Pintu sisir adalah dari arah kolah masjid
<b>C</b> Guru akan duduk di atas tilam kecil, selari dengan pintu sisir, iaitu membelakangkan kiblat

*“Madrasah ini telah diperbaiki dan diubah suai pada sekitar tahun 2017, seperti yang sedia ada sekarang”*

## Perihal Sumber

**Ashari bin Mohd Yakub, 10 Ogos 2024:**

“PERKONGSIAN CERITA MADRASAH ATTAUFIQIAH”).

### Perihal Ashari Bin Mohd Yakub

*“Coretan berkenaan penceramah - Ashari Bin Mohd Yakub”*



**Tempat Lahir (Kiri):** "Lahir dan dibesarkan di rumah nenek saya Terletak lebih kurang 40 meter dari Madrasah ini. Alamat: no. 54, Jalan Sungai Kantan"

**Asas Cerita (Tengah):** "Cerita mulut daripada: Nenek saya Hjh. Safiah binti Hj. Sahabuddin, Pak Long saya Hj. Mohd. Tahir bin Lebai Abas, Tulisan arwah Hj. Hatim Mohamad Arshad."

**Maklumat Tambahan (Kanan):** "Arwah Datuk saya Lebai Abas bin Awang merupakan imam Masjid Kajang dari 1905 Hingga 1933"

**Signifikan Bagi Saya:** "Sejak ia dibina lebih 100 tahun yang lalu, cara pengajaran ilmu agamanya masih konsisten berguru dan berpandu / merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar. Rujukan kepada kitab-kitab secara turutah. Tahun ini merupakan ulang tahun ke-111 Madrasah"

(Sumber: Ashari bin Mohd Yakub, 10 Ogos 2024:

"PERKONGSIAN CERITA MADRASAH ATTAUFIQIAH", hlm.3).

From:  
<https://kajang.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Kajang**

Permanent link:  
[https://kajang.pulasan.my/madrasah\\_attaufiqiyah?rev=1781147835](https://kajang.pulasan.my/madrasah_attaufiqiyah?rev=1781147835)

Last update: **2026/06/11 11:17**

